

besar Kanu

dengan gaya Anelka yang lebih gemar memencilkan diri.

"Saya suka tinggal di London kerana kepelbagaian budaya yang terdapat di sini," katanya.

"Tempat ini bukan saja dipenuhi orang Inggeris, tetapi juga Afrika, Asia dan banyak rakyat negara lain.

Situasi ini menarik kerana saya bercakap dan berhubung dengan orang berbeza dan mencuba pelbagai jenis makanan.

"Saya sudah kerap mengunjungi beberapa restoran Afrika dan Itali dengan hidangan menyelerakan yang terletak tidak jauh dari tempat penginapan saya."

Gelaran selaku Pemain Terbaik Tahunan Afrika 1999 yang dimiliki Kanu adalah penyebab kenapa Nigeria dan Arsenal berebut pemain itu menjelang Kejohanan Piala Negara-Negara Afrika itu.

Peraturan Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa) menetapkan bahawa

kelab perlu melepaskan pemain dua minggu sebelum kejohanan bermula dan ini membuatkan Arsenal mahu mengekalkan Kanu selama mungkin.

Sedangkan Nigeria terdesak untuk mengumpul pemainnya lebih awal bagi membentuk persiapan terbaik.

Akhirnya, Nigeria mendapat haknya dan buat Arsenal pula, dia hanya beraksi sebagai pemain gantian ketika pasukan itu seri 0-0 dalam saingan Piala FA Inggeris.

Dia tiba di Lagos dengan sambutan sebagai seorang wira negara, bintang terbaru bola sepak Afrika, walau-

pun baru beraksi satu perlawanan penuh buat skuad negaranya selepas Piala Dunia di Perancis 1998.

Sudah tentu, kehadiran Kanu perlu sebagai inspirasi dalam usaha Helang Emas melupakan igauan buruk di Perancis apabila dibelasah 1-4 oleh Denmark pada aksi Piala Dunia 1998.

Kanada idam gelaran jaguh

Oleh SUFIAN THAURI MUHAMMED

MESKIPUN baru dua kali menyertai pertandingan bertaraf antarabangsa yang menyaksikan pasukannya kerap dibelasah, Presiden Persatuan Sepak Takraw Kanada, Rick Engel, tetap yakin mereka mampu muncul gergasi sukan itu dalam tempoh sekurang-kurangnya 10 tahun lagi.

Kanada menyertai Kejohanan Sepak Takraw Dunia Perilly's Piala Perdana 2000 bermula Jumaat lalu dan tewas perlawanan pembukaan kepada Korea Selatan, 2-15 12-15.

Kejohanan itu adalah pertandingan antarabangsa kedua disertai Kanada selepas kali pertama pada Piala Raja Thai, November tahun lalu.

Menurut Engel, masa depan negaranya dalam sukan sepak takraw bukan ditentukan skuad sekarang, tetapi pemain muda yang masih bersekolah.

"Sepak takraw mula diperkenalkan di Kanada kira-kira dua tahun lalu, tetapi semakin mendapat sambutan kerana permainan ini mudah dan memiliki gaya menarik.

"STAC sendiri ditubuhkan tahun lalu memainkan peranan utama untuk memupuk minat pelajar sekolah di Kanada untuk bermain sepak takraw," katanya.

Hasilnya, kini terdapat 200 pelajar sekolah berusia sembilan hingga 18 tahun bermain sepak takraw di seluruh Kanada. Jumlah itu masih kecil, tetapi Engel yakin ia akan bertambah sehingga menjangkau 1,000 pemain hujung tahun ini.

Ini kerana STAC yang berpangkalan di Regina, Saskatchewan, semakin mendapat banyak jempunan daripada pihak sekolah untuk mengadakan perlawanan pertunjukan serta sesi penerangan.

Bagi sekolah terletak berham-



24HR-26HR MAC 2000
STADIUM TERTUTUP SUKPA
KUANTAN, PAHANG



PANAS BADAN...barisan pemain Kanada berlatih di luar Stadium Tertutup Sukpa, Kuantan sementara menanti giliran mereka bermain. -Gambar NORDIN ABDULLAH

piran Regina, Engel bersama beberapa pemain turun untuk memenuhi permintaan itu.

"Berdasarkan maklum balas diberikan, pelajar dan guru menganggap sepak takraw selesa dimainkan kerana hampir sama dengan permainan 'footbag' yang memerlukan pemainnya menimbang pundi kecil dengan kaki.

"Selain itu, pemain bola sepak mendapati mereka cepat menyesuaikan diri kerana kedua-dua

dan yang betul ketika menimbang bola atau melakukan penyudah.

Selain itu, terdapat rakaman gerakan menarik yang dilakukan oleh pemain handalan dunia pada kejohanan antarabangsa, terutama pada Piala Raja Thai.

"Kami juga membekalkan bola takraw diimport dari Malaysia ke-

Kejohanan itu adalah anjuran pertama STAC sejak penubuhannya yang menyaksikan pasukan Malaysia, Amerika Syarikat dan Puerto Rico sebagai skuad jempunan.

Selain itu, beberapa pasukan dari seluruh Kanada turut menyertainya.

"Ramai rakyat Kanada menghadiri pesta itu dan kami mengambil

kan tahunan daripada kerajaan Kanada dalam tempoh tiga tahun lagi.

"Di Kanada, persatuan sukan yang menjangkau usia empat tahun dan menepati syarat tertentu, akan menerima peruntukan tahunan daripada kerajaan.

"Peruntukan itu akan digunakan bagi menampung kos meningkatkan populariti sepak takraw.

"Buat masa ini, perbelanjaan STAC agak terhad kerana sukar menarik tajaan kerana sepak takraw adalah permainan baru yang masih belum begitu popular di kalangan rakyat Kanada," katanya.

Menurutnya, jika segala perancangan berjalan lancar, dia yakin pasukan Kanada dalam tempoh 10 tahun lagi akan muncul pencabar disegani di peringkat antarabangsa.

"Saya dapati kami mempunyai kelebihan daripada segi fizikal kerana lebih tinggi daripada pemain Asia, tetapi masih sangat lemah daripada segi skil.

"Jika kami dapat gabungkan faktor skil dan fizikal, tidak mustahil Kanada boleh muncul pasukan gergasi dalam sepak takraw," katanya.

"Berdasarkan maklum balas diberikan, pelajar dan guru menganggap sepak takraw selesa dimainkan kerana hampir sama dengan permainan 'footbag' yang memerlukan pemainnya menimbang pundi kecil dengan kaki," - Engel

permainan kerana mempunyai asas hampir sama," katanya.

Bagi sekolah di luar Saskatchewan, Engel mengirinkan pita video penerangan permainan sepak takraw yang dikeluarkan sendiri oleh STAC.

Pita video itu menayangkan pergerakan secara perlahan bagi memudahkan penonton melihat kedudukan kaki dan anggota ba-

pada sekolah terabit. Mereka tak hadapi masalah gelanggang kerana boleh gunakan gelanggang dan jaring permainan badminton," katanya.

Bagi memastikan pemain muda memperoleh pendedahan secukupnya, Engel bercadang mempelawa pelajar sekolah terabit menyertai Kejohanan Terbuka Kanada yang diadakan sempena Pesta Musim Panas Saskatchewan, Ogos depan.

kesempatan mengadakan kejohanan serentak kerana itulah saat terbaik untuk mempromosikan permainan sepak takraw secara lebih berkesan," katanya.

Engel yakin masa depan sepak takraw di Kanada cerah berdasarkan sambutan diberikan masyarakat. Dia bercadang tingkatkan lagi usaha mempopularkan sepak takraw sebagai sahaja memperoleh peruntu-